

Nasional

Penularan COVID-19

# Benar kemasukan pelajar antarabangsa kecuali UK

## Keputusan ambil kira perkembangan, situasi semasa pandemik di Britain

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan semalam bersetuju membenarkan kemasukan pelajar antarabangsa dari semua negara kecuali United Kingdom (UK) berkuat kuasa 1 Januari ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kemasukan pelajar itu termasuk bagi sesi pengajian di universiti swasta dan awam, se-

lain pelajar bersama pengiring bagi sesi pembelajaran di sekolah antarabangsa.

Beliau berkata, pihaknya tidak membenarkan kemasukan pelajar dari UK selepas mengambil kira perkembangan dan situasi semasa penularan COVID-19 di negara berkenaan.

"Kebenaran pelajar ke kampus membabitkan pelajar lama dan mereka yang diterima masuk oleh institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta, selain mem-

punyai penginapan tetap di Malaysia.

"Prosedur operasi standard (SOP) bagi ujian calitan COVID-19 dan perintah kuarantin tertakluk arahan sedia ada bagi semua pengembara dari luar negara.

"Mereka perlu melakukan ujian saringan COVID-19 tiga hari sebelum berlepas ke Malaysia dan sekali lagi setibanya di pintu masuk negara. Kemudian, mereka perlu menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin diwartakan kerajaan selama 10 hari.

"Kos ujian calitan COVID-19 dan kuarantin perlu ditanggung pelajar berkenaan. SOP dan syarat terperinci mengenai pembela-

ran membabitkan semua pelajar akan diumumkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," katanya pada sidang media di Kementerian Pertahanan, di sini, semalam.

Mengulas kemasukan pelajar asing ke sekolah antarabangsa, Ismail Sabri berkata, ia hanya membabitkan pelajar sedia ada yang diluluskan permohonan dan mendapat visa daripada Jabatan Imigresen.

"Pelajar dan pengiringnya perlu melalui proses saringan dan kuarantin wajib, selain menanggung kos proses terbabit sama seperti dilalui pelajar antarabangsa yang ingin masuk universiti," katanya.



**Prosedur operasi standard (SOP) bagi ujian calitan COVID-19 dan perintah kuarantin tertakluk arahan sedia ada bagi semua pengembara dari luar negara.**

**Ismail Sabri Yaakob,**  
Menteri Kanan (Keselamatan)